

PANDUAN PENGGUNAAN CAPAIAN EDUROAM (Education Roaming)

Apa itu EDUROAM?

Eduroam atau lebih dikenali sebagai 'education roaming' ialah perkhidmatan akses perantaraan yang selamat digunakan di seluruh dunia untuk komuniti penyelidikan dan pembelajaran antarabangsa.

Eduroam membenarkan pelajar, penyelidik dan staf daripada institusi-institusi yang terlibat untuk menerima kemudahan Internet apabila melawat institusi- institusi terlibat hanya dengan log masuk menggunakan id institusi mereka sendiri.

Konsep eduroam adalah pengesahan pengguna dilakukan oleh institusi asal pengguna manakala kebenaran capaian ke rangkaian / internet dilakukan oleh institusi yang dilawati.

Eduroam adalah salah satu projek MyREN (Malaysia Research and Education Network) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi dan diperluaskan penggunaannya kepada komuniti Kolej Komuniti Malaysia.

Perkhidmatan ini boleh digunakan di mana-mana institusi pengajian tinggi yang berdaftar di seluruh dunia.


Untuk rujukan senarai institusi yang terlibat dan perkhidmatan Eduroam, boleh layari capaian di bawah:

- Dalam Negara - <https://mon.eduroam.my/participants>
- Luar Negara - Keseluruhan (https://monitor.eduroam.org/map_service_loc.php)


Tatacara Penggunaan Wifi Eduroam di Kolej Komuniti Kok Lanas

A. Windows


1. Layari web eduroam Configuration Assistant Tool (CAT) di <https://cat.eduroam.org/>




2. Klik butang biru besar yang bertulis “eduroam user: download your eduroam installer”.
3. Pilih organisasi “Kolej Komuniti Kok Lanas”.




4. Klik butang “Continue”.




5. Klik tab “App”.




6. Klik untuk muat turun eduroam authentication “Windows”.




7. Aplikasi seperti dibawah akan dimuat turun.




8. Klik “geteduroam.exe” untuk menjalankan aplikasi. Kemudian klik “Connect to eduroam”.



9. Taip “kolej komuniti kok lanas”. Pilih nama agensi dan klik “next”.



10. Anda akan dibawa ke Portal M365.



Untuk staf:

Emel: xxxx@kkklk.edu.my

Kata laluan: "kata laluan yang sama digunakan untuk mengakses m365"


Untuk pelajar

Emel: xxxx@pelajar.kkklk.edu.my


Kata laluan: "kata laluan yang sama digunakan untuk mengakses m365"

Jika anda mengalami kesukaran untuk mengakses Portal M365, sila hubungi Unit ICT.


11. Laman dibawah akan dipaparkan setelah proses log masuk selesai.




12. Kembali kepada aplikasi




13. Pastikan semua certificate telah di install.



14. Proses konfigurasi eduroam pada komputer / komputer riba anda telah selesai.




15. Sekiranya akses berjaya, status “Connected,secured” akan dipaparkan seperti di bawah:




B. Android/Apple

1. Muat turun aplikasi “geteduroam” dari Google Play Store / Apple App Store.




2. Install Aplikasi.


3. Jalankan aplikasi.



4. Buat carian nama organisasi “kolej komuniti kok lanas” dan klik pada organisasi yang dipaparkan.



5. Anda akan dibawa ke Portal M365




Untuk staf:


Emel: xxxx@kkklk.edu.my

Kata laluan: “kata laluan yang sama digunakan untuk mengakses m365”

6. Setelah selesai proses sign-in, klik approve.



7. Konfigurasi eduroam telah selesai.



8. Dalam tempoh kira-kira 15 saat, pengguna akan dihubungkan dengan perkhidmatan wireless eduroam.

